

B HADIAN (VARSITI) M/S KEMBARA SISWA/GLOBAL



Peluang berinteraksi dengan pelajar pelbagai negara di YTU membolehkan pelajar UMP memahami bahasa dan budaya masyarakat antarabangsa.

Teroka pengalaman belajar **di Turki**

Istanbul: Seramai empat pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengikuti program pertukaran pelajar di Yildiz Technical University (YTU), Istanbul, Turki sempena semester musim luruh, baru-baru ini.

Penyelaras Program Pertukaran Pelajar FKKSA, Dr Fatmawati Adam, berkata program empat bulan itu antara inisiatif kerjasama hasil pemeteraian memorandum persefahaman antara YTU dan UMP.

"Pelajar terbabit mengikuti kursus bahasa Turki selama lima hari anjuran Pejabat Antarabangsa UMP selain mengikuti kursus tambahan bahasa Turki di YTU bagi memudahkan mereka berkomunikasi dengan masyarakat negara itu.

"Pelajar terbabit ialah Mohd Danial, Noor Zalina Hashim, Mohd Muntaqim Rusdi dan Siti Amirah Abdul Ghani," katanya.

Mohd Danial yakin mendapat kenalan baharu menerusi penyer-

taan dalam program berkenaan bakal membantu beliau membina kerjaya kelak.

Kemahiran interaksi

"Idealogi dan cara pemikiran pelajar Turki yang berbeza dengan pelajar Malaysia mengajar saya menjadi lebih kreatif dalam memperingkatkan kemahiran berinteraksi," katanya.

Noor Zalina pula berkata, peluang bertukar pendapat dengan pelajar daripada pelbagai negara termasuk Poland dan Perancis membolehkan mereka memahami budaya dan bahasa masyarakat antarabangsa.

"Program mobiliti ini bukan sahaja sebagai usaha pengantarabangsaan universiti malah dapat membentuk mahasiswa menjadi lebih dinamik dan berfikir terbuka," katanya.

Selain meraih pengalaman persekitaran pembelajaran yang menggalakkan pelajar berdikari, mereka turut berpeluang menikmati keindahan pelbagai destinasi menarik di kota Istanbul.



PELAJAR TERBABIT MENGIKUTI KURSUS BAHASA TURKI SELAMA LIMA HARI ANJURAN PEJABAT ANTARABANGSA UMP SELAIN MENGIKUTI KURSUS TAMBAHAN BAHASA TURKI DI YTU BAGI MEMUDAHKAN MEREKA BERKOMUNIKASI DENGAN MASYARAKAT NEGARA ITU"

Dr Fatmawati Adam,
Penyelaras Program
Pertukaran Pelajar FKKSA



Pelajar UMP bergambar kenangan bersama-sama pelajar YTU.